

SEMINAR BUDAYA MELAYU SARIBAS
23, Julai 2016, Kuching, Sarawak.
Oleh: Persatuan Warga Islam Saribas (Perwaris)

**BUDAYA BENDA: PENGENALAN DAN PERMULAAN KEPADA KAJIAN SENI DAN
BUDAYA MELAYU SARIBAS**

Dr. Faridah Hj. Sahari (UNIMAS), Rahah Hj. Hasan (UNIMAS)

ABSTRAK

Kajian ini menyingkap penggunaan dan pengaplikasian metod kajian budaya benda untuk mendokumentasi dan mengorganasasi koleksi budaya benda masyarakat Melayu Saribas di Bahagian Betong, Sarawak. Kajian ini juga cuba menggariskan panduan pendokumentasian yang berdasarkan teori budaya benda untuk mengekalkan dan melestarikan budaya benda, bermula dengan pendekatan yang praktikal di mana pengaplikasianya boleh digunakan secara mudah dan effektif. Praktis ini yang bermula dari peringkat yang paling asas hingga peringkat yang lebih tinggi akan mampu mewujudkan satu dokumentasi yang mempunyai kesahihan yang membolehkannya dirujuk dari sudut akademik, komersil dan koleksi antikuiti yang bergantung sepenuhnya kepada kenadiran dan sejarah setiap satu benda yang lahir dari sesebuah masyarakat.

KATA KUNCI

Budaya Benda, Budaya Benda Saribas, Budaya Benda Borneo, Budaya Saribas, Melayu Saribas, Budaya Visual Melayu Saribas.

PENGENALA

Budaya benda (*Material Culture*) atau budaya material pada awalnya berasal dari dalam lingkungan ilmu arkeologi dan etnologi sering digunakan dalam kajian berkenaan artifak yang dijumpai dan yang terdapat dalam kesenian dan kebudayaan sesebuah masyarakat (Prown 1982). Namun dalam wacana baru kajian berkenaan bahan budaya kebelakangan ini pendekatan kajian budaya benda sering digunakan dan diperluaskan dalam kajian lain seperti kebudayaan, antikuiti dan kesenian kerana kesuaian metod ini untuk kajian yang berkaitan bahan budaya, dan budaya visual yang dikaitkan dengan warisan dan identiti masyarakat.